

## Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 32

Di bawah ialah penyata kedudukan kewangan Fan Heng Trading pada 1 Mac 2017:

<b>Fan Heng Trading</b> <b>Penyata kedudukan kewangan pada 1 Mac 2017</b>			
	<b>RM</b>		<b>RM</b>
Kenderaan	24,800	Modal	36,330
Lengkapan	6,640	Rugi bersih	(2,480)
Inventori	3,290	Bank	1,300
Akaun belum terima	2,110	Akaun belum bayar	3,530
Tunai	1,840		
	38,680		38,680

Perniagaan Fan Heng memperoleh margin sebanyak 40% atas kesemua jualan barang niaganya. Urus-urus berikut telah berlaku dalam bulan Mac 2017:

- (i) Fan Heng telah mendapatkan pinjaman peribadi dari bank sebanyak RM20,000. Separuh daripada pinjaman itu telah digunakan untuk menjalankan operasi perniagaan.
- (ii) Belian barang niaga secara kredit RM610.
- (iii) Jualan tunai barang niaga berjumlah RM1,200. Kesemua wang tunai dibankkan kecuali RM150 yang telah digunakan oleh pemilik untuk tujuan peribadi.
- (iv) Pulangan jualan berjumlah RM160.
- (v) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun.
- (vi) Jualan kredit kepada seorang akaun belum terima pada harga RM1,600.
- (vii) Seorang akaun belum terima telah membayar tunai sebanyak RM2,100, iaitu selepas ditolak diskau RM100. Separuh daripada Wang ini digunakan untuk membayar seorang akaun belum bayar. Akaun belum bayar ini telah memberi diskau sebanyak RM50.
- (viii) Lengkapan telah dinilaikan semula kepada RM4,860.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Mencatat kesan urus niaga di atas dalam jadual berformat berikut:

<b>ASET</b>							<b>LIABILITI</b>	<b>EKUITI PEMILIK</b>	
Urus niaga	Kenderaan	Lengkapan	Inventori	Akaun belum terima	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Modal	Untung bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki awal									
(i)									
(ii)									
(iii)									
(iv)									
(v)									
(vi)									
(vii)									
(viii)									
Baki akhir									

- (b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan pada 31 Mac 2017 setelah mengambil kira semua urus niaga di atas